NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**
TARIKH	**:**	**24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menyiapkan pembinaan SMK Langkon dalam kawasan Parlimen Kota Marudu yang sekarang dalam keadaan terbengkalai dan menjejaskan kemajuan pelajaran dan prestasi murid-murid SMK Langkon yang masih menumpang di SK Langkon semenjak ia ditubuhkan pada tahun 2000.

NO. SOALAN: 36

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek Sekolah Menengah Kebangaan (SMK) Langkon, Kota Marudu, Sabah telah diluluskan melalui peruntukan pembangunan rolling plan 1, Rancangan Malaysia Ke-10 Tahun 2011 dengan kos projek berjumlah RM33.9 juta. Skop bagi projek ini meliputi pembinaan gantian baharu 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Pihak kontraktor telah memasuk tapak pada 14 Mac 2013 bagi memulakan pembinaan.

Walau bagaimanapun, berikutan kegagalan pihak kontraktor menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah tegas dengan mengeluarkan Notis Penamatan (NP) kepada kontraktor pada 7 Januari 2019. Susulan daripada itu, penilaian baki kerja telah dijalankan sebagai langkah pro aktif pihak KPM untuk meneruskan projek tersebut.

Namun, setelah penilaian dibuat, terdapat kenaikan kos dalam menyiapkan baki projek tersebut. Sehubungan itu, KPM telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan status semasa berhubung permohonan kelulusan kos tambahan ini adalah dalam pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sejurus mendapat kelulusan peruntukan yang dimohon, pihak KPM akan melaksanakan tender untuk melantik kontraktor penyiap bagi menyiapkan projek SMK Langkon ini.

Sekian, terima kasih.